

29/09/2002

Mangsa rogol dalam tahanan tunjuk gambar 7 anggota polis

Johan Afandi

MANILA: Tahanan yang mendakwa dirogol, Jawina Song, 13, dikatakan menunjukkan tujuh gambar anggota polis yang dipercayai merogolnya ketika dalam tahanan di pusat tahanan sementara di Menggatal, Sabah.

Bagaimanapun, pasukan penyiasat khas Bukit Aman yang ditemui di sini, semalam, enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Difahamkan, Jabatan Keadilan Filipina yang membantu pasukan penyiasat khas Bukit Aman yang mengambil keterangan Jawina juga enggan mendedahkan sama ada ketujuh-tujuh lelaki yang didakwa merogolnya adalah anggota polis yang bertugas di pusat tahanan itu.

Sumber Jabatan Keadilan Filipina berkata, Jawina ditunjukkan sekurang-kurangnya 30 gambar pengawal keselamatan dan anggota polis yang bertugas di pusat tahanan itu ketika dia ditahan.

"Dakwaan sebelum ini bahawa Jawina menunjukkan tiga gambar anggota polis adalah tidak berapa tepat. Sekurang-kurangnya tujuh gambar yang disahkan sendiri oleh Jawina," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pasukan penyiasat khas Bukit Aman yang diketuai Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir ditubuhkan selepas Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu siasatan terperinci terhadap dakwaan gadis itu, dijalankan.

Pasukan berkenaan berada di Filipina bagi mendapatkan keterangan Jawina sejak beberapa hari lalu.

Jawina mendakwa dirogol di Pusat Tahanan Sementara di Menggatal, Sabah oleh seorang lelaki yang dikenali sebagai 'Azri'. Dia ditahan sejak tujuh bulan lalu di Kota Kinabalu sebelum dihantar pulang ke Zamboanga.

Ketujuh-tujuh anggota polis yang didakwa merogol Jawina dikatakan dikenali mangsa berdasarkan tanda-tanda pada muka mereka.

Ketika ditanya sama ada dakwaan Jawina adalah rakyat Malaysia itu benar, sumber itu berkata, peguam kerajaan Filipina sedang menyiasat umur sebenar mangsa serta kewarganegaraannya disebabkan rekod kelahiran Jawina masih berada di Malaysia.